

**Pemilihan DAP satu lagi drama, lapor Utusan  
Malaysian Insider  
Sept 15 , 2013**

Pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP yang dijadual pada 29 September ini dilihat sebagai satu lagi "drama" pemimpin DAP, lapor Utusan Malaysia hari ini.

Ia didakwa tidak memenuhi syarat ditetapkan dalam perlembagaan, kata Setiausaha Cawangan DAP Bukit Emas, S. Vijayan.

Sebahagian ahli DAP di peringkat akar umbi juga melihat pemilihan semula itu bakal menjadi medan terbaik bagi DAP terus menyalahkan Pendaftar Pertubuhan (RoS) jika pemilihan jawatankuasa yang akan dibentuk kelak dipertikaikan lagi, kata Vijayan.

Vijayan turut mempersoalkan kewibawaan parti itu melantik Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke Siew Fook bagi melaksanakan pemilihan CEC tersebut memandangkan beliau sebelum ini gagal mengemukakan senarai 500 anggota delegasi yang terlibat dalam pemilihan sebelum ini.

"Ini adalah satu usaha mereka untuk mencari pasal dengan RoS dengan memastikan CEC yang akan dijalankan menjadi tidak sah kerana tidak mengikut perlembagaan dalam parti.

"Ramai antara ahli parti adalah peguam dan saya yakin mereka faham CEC hanya boleh diadakan dalam Kongres Kebangsaan parti, bukannya Kongres Khas seperti yang dimaklumkan sebelum ini," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Yang turut hadir pada sidang akhbar berkenaan ialah Naib Pengerusi DAP cawangan Ladang Paroi, A. David Dass.

Vijayan yang sebelum ini pernah menjadi calon bebas dalam pilihan raya ke-13 (PRU13) bagi ADUN Bukit Kepayang percaya taktik pimpinan tertinggi parti tersebut adalah satu daripada usaha bagi meneruskan agenda mencantas pemimpin DAP daripada kalangan masyarakat India.

Beliau turut percaya tindakan sedemikian bertujuan menyelamatkan sebahagian besar kroni tertentu dalam DAP bagi memastikan mereka terus terselamat dan terus mendapat sokongan perwakilan kelak.

"Kita akan terus bersuara bagi menyampaikan perkara yang benar dan sebagai pemimpin yang sering melaungkan ketelusan, akauntabiliti dan cekap sepatutnya, mereka dengarlah apa yang diperkatakan oleh ahli di peringkat akar umbi bukan meminta kami tutup mulut dan membiarkan pemimpin terus melakukan penyelewengan.

"Malah kami juga yakin mereka yang akan dipilih nanti mempunyai agenda untuk mengetepikan masyarakat India menerusi pindaan perlembagaan," katanya. - 15 September, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemilihan-dap-satu-lagi-drama-lapor-utusan>